

Headline	Lembaga Tabung Haji aktif majukan pendidikan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	23 Nov 2016	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	11	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	360 cm <sup>2</sup>
Journalist	AINI SELIKANG	AdValue	RM 1,178
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,534



**SUMBANGAN...** Pengarah Lembaga Tabung Haji Sarawak, Haji Razimin Ahamed Kamil menyampaikan sumbangan kepada pelajar asnaf di Sarikei semalam. Kelihatan sama, Pegawai Pendidikan Daerah Sarikei, Radin Foji Abdul Rahman (kiri) dan Guru Besar Sk Abang Haji Matahir, Hishamuddin Gimin.

# Lembaga Tabung Haji aktif majukan pendidikan

**AINI SELIKANG**

**SARIKEI:** Lembaga Tabung Haji berjaya aktif dalam membangunkan pendidikan dan penguasaan ilmu dalam kalangan komuniti Islam demi kemaslahatan ummah melalui program Iqra.

Pengarah Lembaga Tabung Haji Sarawak, Haji Razimin Ahamed Kamil berkata, aktiviti yang diterjemahkan melalui aktiviti Yayasan Tabung Haji, Kelab TaHa, Taha@U dilaksanakan sepanjang tahun di seluruh negara selaras dengan visi, Tonggak Kejayaan Ekonomi Ummah; Pengurusan Haji Terbilang.'

Menurutnya, baru-baru ini, Tabung Haji telah melancar dan memberi suntikan baru dengan pengenalan logo dan empat nilai teras program berkenaan.

"Sebagai insiatif berterusan, Tabung Haji mengagihkan sumbangan zakat di bawah program ini dengan tujuan dan harapan bagi membolehkan pelajar

asnaf dan kurang berkemampuan membuat persediaan untuk sesi persekolahan 2017.

"Bagi peringkat negeri Sarawak, kita mengagihkan zakat pendidikan berjumlah RM70,500 kepada 141 pelajar. Setiap pelajar menerima sumbangan sebanyak RM500. Sumbangan berupa kelengkapan sekolah bernilai RM200 dan wang tunai RM300.

"Saya berharap sumbangan dapat menjadi pendorong serta pembakar semangat kepada pelajar untuk menuntut ilmu demi meraih kecemerlangan dalam hidup," katanya pada majlis penyampaian sumbangan sumbangan program Iqra TH 2016 Peringkat Negeri di sini, semalam.

Hadir sama, Pegawai Pendidikan Daerah Sarikei, Radin Foji Abdul Rahman dan Guru Besar Sk Abang Haji Matahir, Hishamuddin Gimin.

Beliau berkata, sumbangan itu juga dapat meringankan beban ibu bapa dalam membuat persediaan persekolahan anak-anak mereka.

Katanya, melalui program yang

dilaksanakan di semua 14 negeri sepanjang November, Tabung Haji mensasarkan agihan zakat pendidikan berjumlah RM2 juta untuk 4,000 orang pelajar asnaf terpilih.

"Namun, CSR Tabung Haji yang terbesar dan terpenting ialah pemberian subsidi haji kepada bakal jemaah haji negara pada setiap musim haji. Untuk musim haji baru-baru ini, Tabung Haji telah menanggung kos sebanyak lebih RM160 juta untuk memastikan bayaran haji para jemaah kekal pada 9,980 seorang.

"Subsidi ini membolehkan jemaah haji Muassassah terus menikmati segala kemudahan yang disediakan dengan selesa walau pun kos haji adalah tinggi iaitu RM18,890 seorang bagi musim ini," katanya.

Pada masa yang sama katanya, Tabung Haji juga aktif melaksanakan beberapa program CSR lain sepanjang tahun seperti bantuan peralatan kesihatan, penambahbaikan rumah, masjid, bantuan fakir miskin, sumbangan van jenazah dan lain-lain lagi.